



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

**MEMPERKASA ZAKAT, WAKAF DAN SEDEKAH,
MEMBANGUN UMMAH**

Tarikh Dibaca :

**4 Rabiulawal 1441H/
1 November 2019M**

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**



**MEMPERKASA ZAKAT, WAKAF DAN SEDEKAH,
MEMBANGUN UMMAH**

1 November 2019M/ 4 Rabiulawal 1441H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَتُوْبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضْلِلْ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَ بِدُعَوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيُّكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الْدَّارُ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَاحْسِنْ كَمَا
أَحَسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَتَّبِعْ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ



Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita beroleh kesejahteraan hidup di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Mimbar pada hari yang mulia ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **“Memperkasa Zakat, Wakaf dan Sedekah, Membangun Ummah.”**

Hadirin Muslimin yang dimuliakan Allah,



Islam menganjurkan umatnya memiliki harta. Harta yang diperoleh adalah amanah daripada Allah SWT. Islam juga menitikberatkan pengurusan harta dalam aspek pengagihan dan perbelanjaan kerana ia sangat memberi kesan kepada kesempurnaan ibadah dan kebajikan sosial golongan yang memerlukan. Malah ia juga menjadi saham kebaikan di akhirat nanti. Firman Allah SWT dalam surah al-Qasas ayat 77:

Bermaksud : *“Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.”*

Justeru, dalam memastikan harta kekayaan umat Islam dapat diagih dan disalurkan kepada golongan yang memerlukan serta memelihara kelestarian ekonomi, maka Allah SWT telah mensyariatkan ibadah zakat, wakaf dan sedekah bagi manfaat umat Islam dalam sesebuah negara.

Sidang Muslimin yang dimuliakan Allah,

Zakat adalah rukun Islam yang diwajibkan ke atas umat Islam yang berkemampuan dari segi harta. Zakat telah ditetapkan oleh Allah dengan matlamat utama membantu golongan asnaf. Dalam pada itu, ia juga dapat membangunkan ekonomi yang seimbang melalui agihan semula kekayaan dalam masyarakat. Sesungguhnya zakat sangat penting dalam menyucikan harta dan membangunkan rohani mereka yang melaksanakannya. Firman Allah SWT di dalam surah at-Taubah ayat 60:



إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَدِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ فُلُوْجُهُمْ وَفِي الْرِّقَابِ
وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنْ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلَيْهِ حِكْمَةٌ



Bermaksud : “Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Zakat adalah satu perkongsian. Golongan kaya dan berkemampuan menghulurkan harta kepada golongan asnaf menggambarkan keseimbangan sosial di dalam Islam. Semakin kaya sesebuah masyarakat, semakin meningkat kutipan zakat. Semakin meningkat kutipan zakat maka semakin terbela golongan asnaf. Bahkan pada zaman Rasulullah SAW, zakat telah menjadi sumber pendapatan Madinah Al-Munawwarah demi menjana pembangunan ummah.

Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) adalah antara agensi mengurus zakat di Malaysia. Kecekapan dan keberkesanannya meningkatkan kutipan zakat dari tahun ke tahun membuktikan bahawa masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan mempunyai kesedaran untuk melaksanakan ibadah zakat. Pengagihan zakat dilaksanakan di Wilayah Persekutuan melalui Bahagian Baitulmal MAIWP yang juga turut membantu dalam menawarkan program bagi menyantuni dan



membangunkan taraf hidup golongan asnaf. Agihan zakat secara langsung juga dibuat menerusi 28 skim bantuan zakat yang membantu asnaf daripada segala aspek merangkumi keperluan asasi, perumahan, pendidikan, perniagaan, kebajikan dan dakwah. Bantuan ini berjalan sepanjang tahun dan bukan pada bulan-bulan tertentu sahaja.

Justeru, bersegeralah melaksanakan ibadah zakat kerana setiap rezeki yang diperoleh meskipun atas usaha dan penat lelah, bukanlah menjadi milik mutlak kita sebaliknya padanya terdapat hak untuk isteri, anak-anak, kaum kerabat, jiran tetangga yang memerlukan pertolongan dan fakir miskin yang mengharapkan belas dan ehsan.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Islam juga menggalakkan ibadah wakaf. Ia disyariatkan sebagai salah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui pemberian harta pada jalan Allah. Ganjarannya sangat besar dan berterusan walaupun selepas kematian pewakaf. Wakaf boleh ditakrifkan sebagai pemberian harta secara sukarela untuk digunakan oleh orang ramai sama ada berkaitan dengan keperluan agama mahupun keperluan kebajikan dengan manfaat yang berpanjangan. Firman Allah SWT dr dalam surah Ali Imran ayat 92 :

لَنْ نَنَالُوا الْبَرَّ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ﴿٩٢﴾ وَمَا نُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ عَلِيهِمْ
٩٢

Bermaksud : “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”



Justeru, wakaf disyariatkan demi untuk memartabatkan Islam dan syiarnya. Institusi wakaf telah lama memainkan peranan penting sepanjang kegemilangan pemerintahan Islam bermula dari zaman Rasulullah SAW sehingga zaman kegemilangan Islam di Iraq, Mesir, Sepanyol dan Turki. Rasulullah SAW pernah mewakafkan tujuh kebun untuk manfaat golongan fakir miskin selepas pulang daripada perang Uhud. Saidina Umar al-Khattab RA pernah mewakafkan tanahnya di Khaibar dan Abu Talhah RA pernah mewakaf kebunnya Bayruha' yang sangat beliau sayangi. Saidina Uthman bin 'Affan RA pernah mewakafkan perigi Ar Rumah yang dibeli daripada seorang Yahudi untuk memberi manfaat bekalan air secara percuma kepada penduduk Madinah. Oleh kerana wakaf sesuatu yang amat digalakkan dalam Islam, ia telah berkembang dari satu zaman ke satu zaman, sehingga kini.

Di Wilayah Persekutuan Pusat Wakaf MAIWP yang ditubuhkan pada Ogos 2014 berperanan untuk mengurus dana wakaf sama ada tunai dan aset serta melaksanakan pembangunan tanah wakaf secara berkesan bagi hasil pulangan yang dapat memberikan impak yang besar terhadap kemajuan ekonomi umat Islam. Seandainya kita tidak memiliki aset untuk diwakafkan maka hulurkan sumbangan tunai melalui Pusat Wakaf MAIWP sebagai saham wakaf untuk kesejahteraan kita di akhirat nanti.

Hadirin Muslimin yang dimuliakan Allah,

Ibadah sedekah juga merupakan salah satu kaedah pengagihan semula kekayaan selain daripada zakat dan wakaf. Sedekah atau infaq telah disebut lebih daripada seratus kali di dalam Al-Quran, bahkan Allah SWT telah menegaskan berkenaan dengannya menerusi FirmanNya dalam surah al-Baqarah ayat 276:

يَمْحَقُ اللَّهُ الْبَوَا وَيُرِي الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كُفَّارٍ أَثِيمٍ



Bermaksud : “*Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan Dia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran, dan selalu melakukan dosa.*”

Imam Al-Qurtubi Rahimahullah dalam menafsirkan ayat ini menyatakan bahawa: “*Allah SWT menyusutkan harta diperolehi daripada riba dengan menghilangkan keberkatannya sekalipun harta itu banyak. Manakala Allah SWT mengembangkan harta yang dikeluarkan sedekah dengan cara memberkatinya dan menggandakan pahalanya pada hari akhirat.*”

Hulurkanlah sedekah dengan seikhlas hati walaupun tidak tinggi nilainya namun amat bermakna buat insan yang sangat memerlukan. Semoga sedekah yang dihulurkan ini akan memberatkan timbangan amalan kita di akhirat kelak.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah :

Pertama: Harta adalah amanah daripada Allah SWT yang padanya terdapat hak orang lain yang mesti ditunaikan malah ia akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

Kedua: Islam mensyariatkan ibadah zakat, wakaf dan sedekah sebagai jalan melepaskan golongan yang tidak berkemampuan daripada belenggu kemiskinan.

Ketiga: Ibadah zakat, wakaf dan sedekah sekiranya digembung secara kolektif dan strategik akan memberi impak yang besar dalam membangunkan ummah.



Firman Allah SWT di dalam surah Saba' ayat 39 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
 قُلْ إِنَّ رَبِّي يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ وَمَا آنفَقْتُ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ
 وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ٣٩

Bermaksud : "Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya Tuhanmu memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya di antara hamba-hambaNya, dan Dia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dia lah juga sebaik-baik Pemberi rezeki".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
 وَتَقْبِيلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ。 أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتُ،
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ。

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَا النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
 وَاصْحَاحِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。
 أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.



إِنَّمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالْتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَسَّاَهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُوا تَسْلِيمًا

٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ حَمِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعْهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَا وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يُغْ مَهَا مُولِيا سري ڦدوك بکیندا یغ ڊفرتوان انگو، سلطان عبد الله رعایة الدين المصطفى بالله شاه ابن المرحوم سلطان حاج احمد شاه المستعين بالله.

وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يُغْ مَهَا مُولِيا سري ڦدوك بکیندا راج فرمایسوري انگو، تونکو(Tunku) حاجه عزیزۃ امینۃ میمونہ اسکندریۃ بنت المرحوم المُتوَکِّل عَلَى اللَّهِ سُلَطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَراءَهُ وَقُضاةَهُ وَعُمَالَاهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .



اللَّهُمَّ اجْعِلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَآمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

يا الله، جاديكله کامي اورغ ۲ یعنی منديریکن صلاة سچارا بر جماعه دان منونایکن زکاه
ماللوعي چوشت چوغوتون زکاه مجلس اکام إسلام ولايه فرسکوتوان سرتا رحمتیله کولوغن
یعنی منونایکن زکاه. جاديکلنه او سها MAIWP دالم معاکیکن زکاه دولایه فرسکوتوان
سباکای ساتو لعکه یعنی برکسن باکی ملشکن اصناف دری بلکن کمیسکین.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَةِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

﴿٩٠﴾

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِيدُكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.